

24 MAR 1997

RAHSIA ZAMAN REMAJA DR MAHATHIR TERUNGKAI DI LANGKAWI

LANGKAWI, 24 Mac (Bernama) -- Perjalanan hidup dan "rahsia" zaman remaja Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bakal terungkai dalam satu forum bertajuk "Majlis Pengkisahan Dr Mahathir Semasa Remaja" anjuran Galeria Perdana di sini 5 April ini.

Beberapa orang rakan karib Dr Mahathir pada zaman remaja yang antaranya telah menjadi tokoh korporat terkemuka pada masa ini akan diundang untuk menceritakan kisah hidup Perdana Menteri, kata pengurus Galeria Perdana Mahani Muhamad ketika dihubungi hari ini.

Majlis berbentuk forum itu terbuka kepada orang ramai bagi membolehkan mereka terutama generasi muda menghayati perjalanan hidup Dr Mahathir sehingga berjaya menerajui kerajaan, katanya.

Ia akan diadakan di auditorium Lembaga Kemajuan Langkawi di sini bermula 9 pagi.

Galeria Perdana, muzium yang mempamerkan pelbagai cenderamata yang diterima Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dibuka pada 3 Dis 1995. Bilangan koleksi yang disimpan melebihi 2,000 barangan. -- BERNAMA

NH HJ MAI